

BN Salur RM800,000 Untuk Masyarakat India Di Sabah Tahun Lepas
Bernama
05 Mei, 2012

KOTA KINABALU, 5 Mei (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) negeri menyalurkan RM800,000, termasuk RM400,000 daripada kerajaan persekutuan, untuk masyarakat India khususnya untuk kuil dan persatuan India di Sabah tahun lepas, kata Pengerusi MIC negeri Datuk V. Jothi.

Beliau berkata ini membuktikan kerajaan BN adil terhadap semua kaum dan badan agama di negara ini. "Kami, dalam MIC Sabah, akan terus memperjuangkan nasib dan kepentingan masyarakat India di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan peruntukan RM200,000, yang merupakan sebahagian daripada RM800,000 itu, di Pejabat Badan Perhubungan MIC Sabah di Kepayan, dekat sini.

Jothi berkata MIC negeri berjaya mendapatkan RM200,000 itu daripada kerajaan negeri untuk sebuah kuil, dua badan bukan kerajaan India dan dua tapak pembakaran mayat.

Beliau berkata penerima peruntukan itu ialah Kuil Sri Murugan Tawau(RM100,000), Sabah Hindu Sangam (RM50,000), Persatuan Hindu Sandakan (RM20,000), Krematorium Hindu/Sikh Sandakan (RM15,000) dan Krematorium Hindu/Sikh Kota Kinabalu(RM15,000).

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663996>